UUM/AA87/BH/1.5.2026/P.3(1-3)

# Prospek pertumbuhan ekonomi kekal positif

## Ibadat&Fadilat

*Ibnu Abbas RA berkata: "Biasanya aku mengetahui akhir solat Rasulullah SAW dengan pembacaan takbir atau berzikir." (HR Nasa'i)*

| KAWASAN | SUBUH | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|
| Kangar | 5:54 | 1:18 | 4:34 | 7:28 | 8:40 |
| Alor Setar | 5:55 | 1:18 | 4:34 | 7:27 | 8:39 |
| P. Pinang | 5:56 | 1:18 | 4:35 | 7:26 | 8:38 |
| Ipoh | 5:55 | 1:16 | 4:33 | 7:23 | 8:35 |
| Kuala Lumpur | 5:53 | 1:13 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| Shah Alam | 5:53 | 1:13 | 4:31 | 7:20 | 8:31 |
| Johor Bahru | 5:47 | 1:05 | 4:23 | 7:09 | 8:20 |
| Kuantan | 5:48 | 1:08 | 4:26 | 7:13 | 8:25 |
| Seremban | 5:53 | 1:12 | 4:30 | 7:17 | 8:29 |
| Bandar Melaka | 5:52 | 1:11 | 4:29 | 7:16 | 8:27 |
| Kota Bharu | 5:48 | 1:11 | 4:27 | 7:20 | 8:27 |
| K. Terengganu | 5:45 | 1:07 | 4:24 | 7:15 | 8:27 |
| Kota Kinabalu | 4:52 | 12:15 | 3:32 | 6:24 | 7:36 |
| Kuching | 5:22 | 12:40 | 3:58 | 6:44 | 7:55 |

**Kuala Lumpur:** Pelarasan Perbelanjaan Mengurus (OE) bagi semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang akan dilaksanakan, dijangka tidak menjejaskan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini.

Pakar ekonomi berpandangan, sasaran defisit ditetapkan kerajaan juga masih boleh dicapai, antara lain disebabkan pelarasan berkenaan hanya fokus kepada aktiviti dan perkhidmatan bukan keperluan utama.

Felo Bersekutu Kanan Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECOFI), Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin, berkata pelarasan dilaksanakan kerajaan hanya membabitkan OE dan bukan Perbelanjaan Pembangunan (DE), yang kemungkinan memberi kesan kepada prospek pertumbuhan.

"Pelarasan ini bertujuan memastikan pelbagai bantuan secara langsung kepada rakyat mendepani krisis di Asia Barat dapat diteruskan dan ditingkatkan supaya impak krisis itu dapat diminimumkan kepada rakyat teramai, terutama golongan rentan dan berpendapatan rendah," katanya kepada *BH*, semalam.

Sementara itu, Pengarah Program MBA Putra Business School (PBS), Prof Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata pelarasan OE membolehkan kerajaan terus membantu rakyat tanpa perlu menambah kadar cukai atau memperkenalkan cukai baharu atau menambah hutang baharu.

"Kemungkinan langkah ini akan memperlahankan pertumbuhan ekonomi negara, tetapi masih lagi dianggarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini kekal positif, namun mungkin tidak setinggi tahun lalu," katanya.

Pada masa sama, beliau mencadangkan kerajaan menstruktur semula subsidi, mengambil kira situasi semasa.

"Pemberian subsidi lebih bersasar boleh dilaksanakan, dengan memberi fokus kepada golongan lebih memerlukan, iaitu B40 dan M40 sahaja," katanya.

Sementara itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mengalu-alukan keputusan kerajaan mengecualikan sektor kesihatan daripada pembekuan pengambilan penjawat awam.

"Komitmen ini mesti dihormati sepenuhnya. Sebarang pelarasan perbelanjaan seharusnya hanya membabitkan aspek pentadbiran dan bukannya ubat-ubatan, penyelenggaraan, peralatan, atau tenaga kerja," katanya.